

**Warna Dakwat Adalah Neutral - SPR**  
**mStarOnline**  
**Februari 13, 2013**  
**Oleh SIRA HABIBU**

**PUTRAJAYA:** Dakwat kekal yang akan digunakan semasa pilihan raya umum ke-13 bukan warna biru, hijau, merah atau mana-mana warna yang mewakili parti politik.

Dua warna yang akan digunakan untuk pengundi awal dan pengundi biasa.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) enggan mendedahkan apakah warna tersebut tetapi memberi jaminan bahawa ia adalah "yang jarang-jarang (ditemui) dan neutral serta tidak boleh dipolitikkan".

"Warna-warna (dakwat) itu akan diumumkan pada hari pencalonan," kata Pengurus SPR, Tan Sri Abdul Aziz Yusof.

Abdul Aziz berkata, dakwat untuk pengundi awal itu boleh memberi kesan kepada jari selama sehingga lima hari.

"Dakwat untuk pengundi biasa boleh kekal sehingga tiga hari.

"Kita telah menempah 220,000 botol (dakwat) untuk pengundi biasa dan 10,000 untuk pengundi awal," kata beliau sambil menambah bahawa setiap botol boleh digunakan oleh 100 pengundi.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2013 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/2/13/mstar\\_berita/20130213103207&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/2/13/mstar_berita/20130213103207&sec=mstar_berita)